laju | ragu | yakin | selalu | gembira

cermat | seronok | puas | jelas

Petua Memilih Durian

Zara dan keluarganya ke pasar tani.

Zara dan keluarganya ingin membeli durian. Mereka teringin makan durian. Zara berjalan [ ] menuju ke gerai jualan durian. Dia amat mahir akan selok-belok tempat itu kerana [ ] datang ke situ.

Puan Zurah tersenyum melihat gelagat anaknya itu. Mereka sangat [ ] apabila membeli durian.

"Zara, cuba goncangkan durian itu. Jika ada getaran, maknanya isinya telah masak," jelas Encik Hasif.

Zara mencium-cium pangkal tangkai durian. Dia berasa [ ] Kemudian, dia memberikan buah itu kepada Encik Hasif.

"Buah ini harum baunya, Zara. Isinya pasti telah masak," kata Encik Hasif dengan [ ] nya.

"Abang, lima pangsa pada buah ini sangat [ ] kelihatan. Saya ambil, ya," ujar Puan Zurah.

Encik Hasif mengangguk tanda setuju dengan isterinya. Beliau memberikan semua durian yang telah dipilih kepada peniaga tersebut. Peniaga itu mengopek kulit durian dengan [ ] nya menggunakan parang. Zara [ ] hati melihat isi durian itu. Mereka sekeluarga amat [ ] kerana dapat menikmati raja buah itu.